

# Sokongan kewangan: Serangan masjid-masjid Christchurch

**Mulai 3 Jun 2019, kami menyediakan bantuan kewangan kepada lebih ramai orang yang terjejas oleh serangan masjid-masjid.**

**Jika anda tidak memperolehi pendapatan yang cukup untuk membayai keperluan anda dan keluarga anda, dan anda terjejas oleh serangan, berikut adalah cara kami boleh membantu.**



## Saya mempunyai Visa Respons Christchurch

Sekiranya anda mempunyai Visa Respons Christchurch, anda mungkin layak mendapat bantuan utama dan bantuan kewangan yang lain. Anda tidak semestinya sudah bermastautin di New Zealand selama dua tahun.

Ini termasuk penduduk tetap yang memenuhi syarat-syarat Visa Respons Christchurch, walaupun berada di New Zealand kurang daripada dua tahun.

## Saya layak untuk Visa Respons Christchurch

Sekiranya anda memenuhi syarat untuk Visa Respons Christchurch, kami mungkin boleh membayar anda pembayaran Christchurch yang baru daripada Kementerian Pembangunan Sosial (MSD).

*Lihat sebelah untuk maklumat lanjut.*

## Saya tidak layak untuk Visa Respons Christchurch

Sekiranya:

- anda di sini dengan visa sementara, **dan**
- anda mempunyai hubungan rapat dengan seseorang yang hadir semasa serangan, atau cedera atau mati akibat serangan masjid-masjid terlibat,

anda mungkin layak untuk pembayaran Christchurch baru daripada Kementerian Pembangunan Sosial (MSD). Dengan ‘hubungan rapat’ kami bermaksud anda berpasangan, ibu bapa atau adik-beradik dewasa (bukan tanggungan) atau anak.

*Lihat sebelah untuk maklumat lanjut.*

## Saya mempunyai hubungan dengan masjid-masjid terlibat atau komuniti Muslim Christchurch dan saya mengalami trauma kerana serangan ini


Sekiranya:

- anda adalah sebahagian daripada, atau mempunyai hubungan dengan, masjid-masjid yang diserang atau komuniti Muslim Christchurch, **dan**
- anda berada di NZ pada 15 Mac 2019, **dan**
- anda mengalami trauma kerana serangan ini

anda mungkin layak untuk pembayaran Christchurch yang baru daripada Kementerian Pembangunan Sosial (MSD). Anda perlu mendapatkan pengesahan perubatan daripada doktor atau kaunselor anda. Kami mungkin boleh membantu anda membayar untuk ini jadi sila hubungi kami mengenainya.

*Lihat sebelah untuk maklumat lanjut.*

## Untuk menentukan bantuan kewangan yang boleh anda menerima, kami mengambil kira aset dan pendapatan anda.



# Pembayaran baru untuk orang yang terjejas oleh serangan masjid-masjid

Kami telah memulakan pembayaran mingguan baru dari MSD untuk orang yang terjejas oleh serangan masjid-masjid, yang tidak layak untuk pembayaran lain. Pembayaran Serangan Masjid-Masjid Christchurch boleh didapati dari **3 Jun**. Bayaran mungkin boleh dibuat sehingga satu tahun.

## Berapa banyak yang boleh saya dapat?

Bayaran yang mungkin anda dapat bergantung kepada situasi anda dan pendapatan lain yang anda terima. Anda biasanya akan mendapat jumlah yang sama setiap minggu tetapi ini mungkin berbeza dari masa ke semasa jika keadaan anda berubah. Kami akan terus berhubung dengan anda untuk memastikan anda mendapat semua sokongan yang kami boleh berikan untuk situasi anda.

Anda mungkin telah menerima bayaran melalui organisasi yang mengedarkan sumbangan kepada orang yang terjejas oleh serangan masjid – ini tidak akan diambil kira sebagai pendapatan atau aset tunai bila kami menentukan apa yang anda boleh dapat.

## Bagaimakah saya memohon?

Sekiranya anda mempunyai pengurus kes, bincanglah dengan dia mengenai bantuan yang mungkin tersedia kepada anda atau keluarga anda.

Sekiranya anda tidak mempunyai pengurus kes, sila hubungi **0800 559 009**.

Jika anda tidak pasti sama ada anda layak, sila hubungi kami supaya kami boleh membincangkannya dengan anda. Jika anda tidak layak, kami akan menentukan sama ada terdapat cara-cara lain yang boleh kami membantu.

Kami boleh mengaturkan seseorang untuk bercakap dengan anda dalam bahasa anda. Sila maklumkan kami bila anda memanggil.

Sekiranya anda atau keluarga anda mahukan sokongan pengurus kes sila hubungi **03 961 9257**  
atau e-mel [support@msd.govt.nz](mailto:support@msd.govt.nz)